

UMP Guna Inovasi Permudahkan Penyediaan Juadah Iftar



Kuantan, 16 Jun - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyediakan sebanyak 1200 juadah berbuka puasa di masjid pada setiap hari melibatkan kedua-dua kampus di UMP Gambang dan Pekan sepanjang bulan Ramadan ini.

Penyediaan jamuan iftar ini dilakukan secara bergotong-royong oleh staf setiap jabatan serta sukarelawan pelajar dari Kor Sukarelawan Siswa Siswi (SUKSIS) dan Briged Siswa. Selain iftar, jamuan moreh dan juga sahur disediakan untuk 150 orang jemaah di kedua-dua kampus.

Menurut Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr Mahyuddin Ismail, pihak universiti ini melalui tabung MyGift telah meluluskan peruntukan sebanyak RM82,000 bagi menyediakan juadah berbuka puasa.

"Bagi memudahkan penyediaan juadah, sekumpulan penyelidik dan pelajar menghasilkan set pengagihan makanan yang dinamakan *Roller Conveyer* iaitu satu set pengagihan makanan bagi memudahkan petugas menyediakan juadah untuk santapan jemaah masjid secara kemas, efisien dan selamat. Set ini terdiri daripada bekas periuk paras pinggang dan *roller conveyor* daripada bahan aluminium yang ringan untuk diletakkan dalam hidangan," katanya.

Diketuai oleh Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) Dr. Ahmad Fitri Yusop serta dibantu Dr. Saiful Anwar Che Ghani, kumpulan ini berjaya menyediakan satu set yg terdiri daripada tiga bekas periuk dan dua *conveyor belt* sepanjang 4 meter yang

mampu menampung penyediaan juadah dalam 2000 hingga 3000 juadah pada satu masa.



Bagi Dr. Ahmad Fitri Yusop, idea asal projek ini sebenarnya daripada cetusan Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam lawatannya ketika menyaksikan penyediaan juadah berbuka puasa pada awal Ramadan lalu.

"Justeru, pihak atas sokongan Dekan FKM, Prof. Dr. Rizalman Mamat membentuk kumpulan di fakulti dan akhirnya mereka dapat menyediakan set ini dalam tempoh yang singkat. Namun apa yang penting ianya dapat memudahkan urusan petugas dengan penggunaannya yang mudah alih. Periuk yang berisi lauk atau nasi ini akan diletakkan di stand ini manakala talam pula akan diletakkan di atas conveyer," ujar beliau.

Tambah Dr. Saiful Anwar Che Ghani pula, dengan konsep ini para petugas hanya perlu berdiri untuk mencedok nasi dan lauk dari periuk dan secara selamat dan efisien memindahkannya ke talam untuk dihidangkan. Ianya dengan keadaan ruang dapur masjid yang terhad dan jemaah pelajar yang ramai.

Beliau mengharapkan kemudahan ini dapat menyelesaikan masalah petugas dalam menghidangkan makanan kepada jemaah di masjid. Ianya juga boleh ditambahbaik dengan sistem automatik pada masa akan datang, namun memandangkan petugas yang datang membantu secara sukarela tanpa latihan yang khusus maka ianya sudah memadai sesuai dengan kos yang agak murah sekitar RM2000 sahaja.

Bagi menjayakan projek ini ianya turut melibatkan beberapa pihak seperti Automotif Engineering Centre (AEC), Joining and Welding Lab FKM UMP. Selain itu segala pembentangan projek ini ditanggung sepenuhnya oleh dana penyumbang dari FKM.

Bersempena Ramadan ini, pihak universiti turut mengadakan program Tadarrus Al-Quran, Solat Terawikh berjemaah, Jom Lepak@Masjid, Seminar Kemukjizatan Al-Quran, Program Bubur Lambuk Komuniti bersama Rapid Kuantan serta JKKA dan RTC

Kuala Pahang juga Majlis Khatam Quran bersempena Malaysian Quran Hour dengan kerjasama Rumah Ngaji Malaysia yang dijalankan serentak seluruh negara.



Disediakan Nor Salwana Mohd. Idris dari Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 22-06-2017, 13:58:21